

UMP Library Fun Run 2019 (29 September 2019)

Pahang, 29 September - Seramai 330 peserta menyertai 'UMP Library Fun Run 2019' yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang kampus Pekan hari ini.

Perpustakaan telah menganjurkan acara larian sejauh lima kilometer ini merupakan acara penutup sempena minggu Karnival Read@Uni. Acara melepaskan peserta larian disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pustakawan UMP, En.Dzull Zabarrud Ahmad di hadapan bangunan perpustakaan UMP Pekan.

Pengarah program berkenaan, Muhammed Fawwaz Rasid, berkata acara larian telah disertai oleh mahasiswa UMP dan penduduk setempat bermula pada jam 7.00 pagi. "Acara larian ini diadakan bagi memupuk mahasiswa dan komuniti setempat mengamalkan gaya hidup sihat dan rajin bersenam."

"Melalui cara larian seperti ini peserta boleh bersenam secara santai dan menyeronokkan, disamping objektif tambahan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan dan komunikasi antara perpustakaan dengan warga UMP," katanya.



















